

Tasik Chini belum nazak

Kajian dijalankan penyelidik UKM mendapati kualiti air masih tidak tercemar

>>Oleh Lokman Zainal Abidin

lockman@nstp.com.my

KUANTAN: Kajian dan data terbaru yang dihasilkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta beberapa agensi lain menunjukkan Tasik Chini belum lagi nazak seperti didakwa dan kualiti airnya juga masih tidak tercemar.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, kerajaan negeri bagaimanapun tetap memandangkan serius perkara itu dan sudah mengarahkan Pusat Penyelidikan Tasik Chini UKM dan jabatan lain menyediakan maklumat lengkap serta terkini berhubung kedudukan sebenar tasik berkenaan.

Katanya, siasatan Jabatan Mineral dan Geosains negeri pada April lalu menunjukkan aktiviti perlombongan di tasik itu tidak mencemarkan kualiti air di situ.

"Kajian jabatan berkenaan mendapati kepekatan logam pada air tasik tidak bersangkut-paut dengan aktiviti perlombongan tetapi disebabkan

kan keadaan semula jadi. Tahap elemen logam berat seperti arsenik masih di bawah tahap bahaya dan kadar keasidan berada pada paras normal," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Adnan berkata, kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) April lalu menunjukkan kualiti air tasik itu berada dalam kelas dua dan ia dibuat setiap bulan.

"Keputusan itu bermakna ia sesuai untuk bekalan air dengan rawatan konvensional, rekreasi termasuk mandi, perikanan dan minuman haiwan ternakan manakala indeks kualiti air dalam kategori bersih," katanya.

Isnin lalu, akhbar tempatan melaporkan Tasik Chini yang diiktiraf sebagai kawasan Rizab Biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) bakal musnah pada 2030 akibat kegiatan pembalakan, perlombongan dan perladangan tidak terkawal di sekitarnya.

Kira-kira 500 penduduk



"Kajian jabatan berkenaan mendapati kepekatan logam pada air tasik tidak bersangkut paut dengan aktiviti perlombongan tetapi disebabkan keadaan semula jadi"

>Datuk Seri Adnan Yaakob



"Kualiti air tasik sekarang ini lebih baik berbanding ketika kami mula membina pusat penyelidikan pada 2004. Sebagai contoh, tiada lagi bakteria e-coli dalam air"

>Dr Mushrifah Idris

Orang Asli yang mendiami persekitaran kawasan itu pula bakal 'lenyap' kerana kehilangan sumber makanan, ubat tradisional dan kesan penggunaan air tercemar.

Fellow Intelektual Awam Asia (API), Dr Hezri Adnan berkata, tasik itu kini dalam keadaan kritikal dan hanya menunggu masa menjadi kering akibat pemendapan dasar tasik.

Adnan juga berkata, kerajaan negeri sebenarnya mengalu-alukan kritikan dan kenyataan pelbagai pihak tetapi ia perlu bersandarkan kepada maklumat tepat.

Malah, beliau mengakui ada kegiatan perlombongan dan pembalakan di tasik berkenaan tetapi ia bukan faktor utama kepada pencemaran air di tasik itu dan ketika ini terdapat lima syarikat perlombongan di situ.

"Kami ada undang-undang (mengawal dan memantau aktiviti pembalakan dan perlombongan) dan kita memang benarkan aktiviti berkenaan dengan syarat tertentu dan kalau tidak di-

patuhi, tindakan wajar diambil," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Pusat Penyelidikan Tasik Chini UKM, Prof Datuk Dr Mushrifah Idris pula berkata, Transparency International-Malaysia (TI-M) membuat kenyataan kurang tepat.

"Kualiti air tasik sekarang ini lebih baik berbanding ketika kami mula membina pusat penyelidikan pada 2004. Sebagai contoh, tiada lagi bakteria e-coli dalam air selepas kami menggalakkan pelupusan sisa domestik terutara kepada Orang Asli," katanya.

Beliau juga kecewa dengan dakwaan penduduk Orang Asli yang memberi gambaran negatif mengenai tasik itu berbanding memaklumkan pelbagai projek yang dilaksanakan UKM dan kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Katanya, UKM akan mengadakan sidang akhbar bagi menerangkan mengenai keadaan sebenar Tasik Chini dalam masa terdekat.